

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JOW452 - Perhubungan Industri

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

SOALAN 1 (25 markah)

Terma bukan pekuniari dalam kontrak perkhidmatan ialah perkara yang berkaitan hal ehwal bukan kewangan. Terangkan dengan ringkas terma bukan pekuniari yang berikut.

- (a). Tempoh kerja (5 markah)
- (b). Kerja lebih masa (5 markah)
- (c). Hari Rehat (5 markah)
- (d). Cuti Sakit (5 markah)
- (e). Cuti Umum (5 markah)

SOALAN 2 (25 markah)

Cik Veronica Ng bekerja sebagai ketua juruwang di sebuah cawangan ABC Bank Berhad (ABCBB). Beliau dituduh cuai dalam menjalankan tugas hingga menyebabkan pihak bank kerugian sebanyak RM100,000. Pihak ABCBB melantik Encik Derrick Tan iaitu pengurus cawangan tempat Cik Veronica Ng bekerja untuk menjalankan siasatan. Hasil siasatan dikemukakan kepada panel siasatan dalaman yang juga diketuai oleh Encik Derrick Tan sendiri dan juga tiga orang pegawai atasan lain dari cawangan yang sama. Panel siasatan dalaman tidak pernah memanggil Cik Veronica Ng untuk sesi siasatan dalaman tersebut. Panel siasatan dalaman kemudiannya memutuskan untuk memecat Cik Veronica Ng berkuat kuasa serta merta. Cik Veronica Ng meluahkan perasaan tidak puas hati beliau dan meminta pandangan anda berkaitan masalah yang beliau hadapi. Nasihatkan Cik Veronica Ng dengan menerangkan tata cara disiplin yang betul berpandukan kepada seksyen dan kes-kes yang berkaitan.

...3/-

SOALAN 3 (25 markah)

Puan Amnah diambil bekerja pada 10 Februari 2002 sebagai setiausaha sulit kepada Pengarah Urusan Syarikat Poly Edar (M) Berhad. Gaji pokok beliau ialah RM1800 sebulan yang kemudian meningkat kepada RM2800 pada tahun 2007. Pada awal tahun 2007 Puan Amnah dipinjamkan kepada Unit Projek Khas untuk membantu Ketua Jurutera Projek berkaitan hal ehwal pentadbiran bagi projek khas tersebut. Akibat kegawatan ekonomi pada 2008, projek khas tersebut telah terbengkalai yang menyebabkan Puan Amnah dipecat atas alasan wujudnya keadaan lebihan pekerja (redundancy). Namun demikian walaupun syarikat mendakwa berlaku masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi, syarikat masih lagi menaja lawatan pekerja mereka ke Thailand pada akhir 2008 dan membayar bonus kepada pekerja selepas Puan Amnah diberhentikan. Syarikat juga telah mengambil pekerja baharu bagi menggantikan Puan Amnah.

Anda dikehendaki memberikan khidmat nasihat kepada Puan Amnah dengan berpandukan kepada seksyen dan kes-kes serta peraturan yang berkaitan dengan pemecatan beliau oleh Syarikat Poly Edar (M) Berhad atas alasan lebihan pekerja (redundancy).

SOALAN 4 (25 markah)

En. Ali telah bekerja dengan Syarikat Kilang Papan Guan Ann Sdn. Bhd sejak 20 tahun yang lalu. En. Ali kini berumur 50 tahun dan menghidapi penyakit lelah yang kronik. Beliau selalu jatuh sakit dan tidak dapat bekerja dengan sepenuhnya. En. Ali adalah pencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Terangkan kepada En. Ali tentang faedah-faedah skim insuran bencana pekerjaan yang berikut.

- (a). Faedah Perubatan (5 markah)
- (b). Faedah Hilang Upaya Kekal (5 markah)
- (c). Faedah Hilang Upaya Sementara (5 markah)
- (d). Faedah Layanan Sentiasa (5 markah)
- (e). Faedah Orang Tanggungan (5 markah)